

Bicara BH

18 lagi sektor kerja sendiri dapat faedah SKSPS

Skim jadi jaminan jika ditimpa musibah

Oleh Rohaniza Idris
dan Iah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yakin perluasan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) kepada 18 lagi sektor pekerja sendiri tidak formal, dapat dilaksanakan bermula Januari depan.

Ini sebagai tambahan kepada perlindungan kepada pemandu teksi, e-hailing (perkhidmatan pengangkutan penumpang) seperti Grab dan MyCar, mengikut Jadual 1 Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789).

Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata SKSPS bukan hanya melindungi mereka yang bekerja sendiri, tetapi manfaat perlindungan itu turut sama dirasakan keluarga dan waris mereka.

"Skim keselamatan sosial ini

dipanjangkan sebagai jaminan apabila mereka menghadapi kesusahan, seperti kemalangan atau musibah ketika bekerja, supaya jika apa-apa berlaku mereka tidak jatuh ke dalam jurang kesusahan dan berlaku episod sudah jatuh ditimpa tangga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel dalam program Bicara BH bertajuk Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) - Kenapa Perlu, Siapa Layak, Apa Manfaat di Balai Berita The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), di sini, semalam.

Program disiarkan secara langsung menerusi saluran Facebook BH Online itu, dikendalikan Penyampai Berita TV3, Syafiq Adnan.

Selain Mohammed Azman, dua lagi ahli panel ialah Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), Datuk Hans Isaac dan Ketua Program Sains Aktuari



Dari kanan Syafiq, Mohammed Azman, Noriszura dan Hans pada program Bicara BH di Balai Berita NSTP, Kuala Lumpur, semalam. (Foto NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Noriszura Ismail.

Berdasarkan maklumat, antara pekerjaan yang termasuk dalam 18 sektor pekerja tidak formal itu adalah nelayan, petani, peniaga, penggiat seni dan pekerja dalam pentas ekonomi gig atau *gig-economy* dengan sasaran 2.8 juta pekerja sendiri.

Mohammed Azman berkata, penguasaan keselamatan sosial kepada lebih banyak sektor pekerjaan ini menepati Artikel 23, Hak Asasi Manusia, iaitu hak rakyat untuk bekerja dan mendapat upah yang setimpal.

Katanya, dengan perluasan kepada lebih banyak sektor pekerjaan sendiri dalam skim itu, bermakna Malaysia menepati stan-

dard minimum Konvensyen 102, Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) 1952 berkaitan keselamatan sosial.

"Pada masa ini di negara kita, mereka yang bekerja dengan organisasi atau mempunyai majikan sudah ada perlindungan yang menyeluruh kerana adanya cawangan PERKESO. Ini berbeza dengan mereka yang bekerja sendiri.

"Mereka yang bekerja sendiri tidak ada apa-apa perlindungan, kecuali yang mempunyai insurans sendiri," katanya.

Mengulas skim itu katanya, SKSPS adalah jaringan keselamatan dibuka kepada warganegara dan pemastautin tetap, yang bekerja dalam bidang perusahaan sah berdaftar di negara ini.

"Tidak seperti tawaran perlindungan insurans, skim ini terbuka kepada seselapa saja golongan pekerja sendiri dan tiada had umur ditetapkan.

"Syarat untuk mencentum juga mudah tanpa perlu pemeriksaan kesihatan, seperti dilaksanakan dalam sektor insurans," katanya.

Beliau menegaskan, skim itu bukan mahu membebaskan pekerja, sebaliknya membantu nasib pekerja jika berlaku sebarang kecederaan, kemalangan, hilang upaya terjamin.

"Dengan penguasaan kepada 18 sektor pekerjaan ini juga kita dapat mendidik pekerja sendiri di negara ini, agar lebih bertanggungjawab kepada keselamatan diri sendiri dan keluarga mereka," katanya.

Malaysia terkedepan aspek keselamatan sosial

Kuala Lumpur: Langkah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memperluaskan jaringan perlindungan kepada lebih banyak sektor pekerjaan sendiri, meletakkan Malaysia ke hadapan dalam aspek keselamatan sosial.

Ketua Program Sains Aktuari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Noriszura Ismail, berkata langkah itu selaras saranan Bank Dunia mengenai perlindungan sosial pekerja.

"Oleh itu, dengan terlaksananya skim ini untuk semua kumpulan sasar seperti peniaga dan petani, maka negara ini sudah jauh berada di hadapan, lebih-lebih lagi kita sudah penuhi semua saranan Bank Dunia berkaitan keselamatan pekerja," katanya dalam program Bicara BH bersama PERKESO.

Bicara BH bertajuk Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) - Kenapa Perlu, Siapa

Layak, Apa Manfaat, berlangsung di Balai Berita The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), di sini, semalam.

Noriszura berkata, Bank Dunia menyarankan saranan mandatori berkaitan lima perkara membatikan keselamatan sosial, iaitu bantuan sosial, insurans sosial, skim persaraan mandatori, skim persaraan sukarela dan sokongan bukan kewangan.

Beliau menjelaskan, bagi saranan bantuan sosial, Malaysia mempunyai badan zakat dan Baitulmal, manakala untuk saranan skim persaraan mandatori seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Malaysia ketika ini juga sudah mencapai sistem persaraan yang baik seperti disarankan Bank Dunia dan ia perlu dimanfaatkan oleh semua pihak, termasuk mereka yang berkerja sendiri," katanya.

Beliau turut mencadangkan

mereka yang bekerja sendiri, termasuk dalam pentas ekonomi gig atau *gig-economy* menyediakan pelan tambahan untuk keselamatan sosial.

Katanya, perkara itu perlu dimasukkan bersama pelan perancangan kerja dan tidak boleh dijadikan lagi perkara remeh atau tidak diindahkan.

Beliau berkata, pada masa ini mereka yang bekerja sendiri bukan saja berhadapan cabaran hendak mendapat modal, melakukan pemasaran dan pemilihan lokasi perniagaan, serta meningkatkan diri untuk berdaya saing atau membangunkan diri, tetapi perlu memikirkan faktor perlindungan untuk masa depan.

"Kos perubatan dan kos untuk menanggung risiko sakit sering dipandang remeh, walaupun ia sebenarnya perkara paling penting dalam menjalankan perniagaan.

Bank Dunia menyarankan saranan mandatori berkaitan lima perkara membatikan keselamatan sosial, iaitu bantuan sosial, insurans sosial, skim persaraan mandatori, skim persaraan sukarela dan sokongan bukan kewangan.

Noriszura Ismail,
Ketua Program
Sains Aktuari UKM

"Berapa banyak kerugian jika perniagaan kita tutup selama beberapa hari dan bagaimana pula jika ia berlarutan, sehingga bertahun-tahun lamanya.

"Malang tidak akan berbau, tetapi kita perlu menyediakan payung sebelum hujan. Disebabkan itu, kita perlu menyediakan pelan B sekiranya berlaku sesuatu," katanya.

Mengulas kepentingan perlindungan masa hadapan, Noriszura berkata, beliau yakin ramai rakyat negara ini mempunyai kefahaman yang rendah mengenai perkara itu, memandangkan jumlah mereka yang mengambil insurans tidak ramai.

"Peraturan penduduk yang mengambil insurans hayat hanyalah 34 daripada 100 orang sahaja. Seingat ini saya juga masih tidak menerima statistik mengenai insurans, tetapi saya merasakan jumlah itu menyedihkan," katanya.